



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
MALAYSIA**



**SURAT PEKELILING JPS BIL 1/2007  
(Pindaan Kepada SP JPS Bil. 3/2005)**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN  
WANG PERUNTUKAN SEMENTARA (WPS)**

---

**1.0 Tujuan**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memperkemaskan dan meminda Garis Panduan Pengurusan Wang Peruntukan Sementara (WPS) yang telah dikeluarkan melalui Surat Pekeliling JPS Bil. 3/2005 bertarikh 21 September 2005 bagi memastikan kelancaran di dalam tatacara pelaksanaan WPS.

**2.0 Pindaan/Tambahan**

2.1 Pindaan/tambahan yang dibuat adalah seperti berikut:-

- 2.1.1 Carta Aliran Pelaksanaan WPS digantikan dengan carta aliran baru untuk mengambilkira pindaan-pindaan yang dibuat.
- 2.1.2 Memperkenalkan Tatacara Perolehan WPS untuk Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan `Pakar` bagi Kontrak Secara `Design and Build` (PWD DB/T).
- 2.1.3 Format Borang Butir-butir Harga Yang Ditawarkan (Bagi Kategori Pakar) diperkemaskan bagi mengelakkan kekeliruan yang timbul.

2.1.4 Menaikkan had kuasa Jawatankuasa Yang Meluluskan Harga bagi setiap item WPS seperti berikut:-

Bil.	Pihak Yang Meluluskan	Nilai Perolehan	
		Lama	Baru
1.	Jawatankuasa APK Peringkat Pengarah Negeri/Jurutera Projek	Tidak Melebihi RM 200,000	Tidak Melebihi RM500,000
2.	Jawatankuasa APK Peringkat Pengarah Bahagian	> RM200,000 – RM1.0 juta	> RM500,000 – RM1.5 juta
3.	Jawatankuasa APK Peringkat Timbalan Ketua Pengarah	> RM1.0 juta – RM 3 juta	> RM1.5 juta – RM 3 juta
4.	Jawatankuasa APK Peringkat Ketua Pengarah	> RM3 juta	> RM3 juta

### 3.0 Penguatkuasaan dan Pembatalan

- 3.1 Bagi mengambilkira pindaan/tambahan di atas, satu garis panduan baru telah disediakan untuk menggantikan garis panduan sedia ada.
- 3.2 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, **Surat Pekeliling JPS Bil 3/2005 bertarikh 21 September 2005** adalah dengan ini **DIBATALKAN**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATO' PADUKA IR. HJ. KEIZRUL BIN ABDULLAH)  
Ketua Pengarah,  
Jabatan Pengairan dan Saliran,  
Malaysia.

29 hb. Januari 2007

s.k: - Timbalan Ketua Pengarah (P)  
- Timbalan Ketua Pengarah (D)

Bil. Fail : ( 56 ) dlm PPS. 10/4/2/ BUB Jld 4